

# CERAMAH ZAKAT PERDANA DI PANGKALAN UDARA GONG KEDAK



[airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/4674-ceramah-zakat-perdana-di-pangkalan-udara-gong-kedak](http://airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/4674-ceramah-zakat-perdana-di-pangkalan-udara-gong-kedak)

GONG KEDAK, 14 Mac 19 – Pejabat Agama Pangkalan Udara Gong Kedak telah mengadakan Program Ceramah Zakat Perdana bertempat di Masjid Ar-Raudhah Pangkalan. Ceramah tersebut telah disampaikan oleh penceramah jemputan iaitu Pegawai Taksiran Zakat MAIDAM Terengganu, Ustaz Khadirul Iliyas bin Jaafar.

Turut hadir, Pegawai Laksana Pangkalan, Lt Kol Wan Zainal Abidin bin Wan Yaacob TUDM, Pengurus Masjid Pangkalan, Lt Kol Rafidi Anuar bin Abu Samah TUDM, pegawai-pegawai kanan, pegawai-pegawai, anggota LLP serta penduduk sekitar Beris Pak Abu.

